

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

TARIKH : 5 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN WONG LING BIU minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan syarat-syarat kelayakan bagi kemasukan pengajian Matrikulasi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memastikan kemasukan ke Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Syarat kelayakan ke Program Matrikulasi KPM terbahagi kepada dua, iaitu syarat am dan syarat minimum. Bagi syarat am permohonan adalah seperti yang berikut:

- i. Pemohon merupakan warganegara Malaysia.
- ii. Pemohon merupakan calon SPM semasa.
- iii. Pemohon berumur 20 tahun semasa memohon.

Selain itu, calon perlu memenuhi syarat minimum berdasarkan kursus yang ditawarkan. Perincian syarat ini boleh diperolehi di laman sesawang KPM.